

29 OCT 2003

Isa-Terima kasih

MOHAMED ISA UCAP TERIMA KASIH KEPADA PERDANA MENTERI

SEREMBAN, 29 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad hari ini merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan atas bantuan, sokongan dan teguran yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada negeri ini semasa memimpin negara selama 22 tahun.

Beliau berkata jasa Dr Mahathir akan terus dikenang dan akan dijadikan contoh oleh semua lapisan masyarakat dalam usaha mencapai pembangunan dan kemajuan bangsa dan negara.

"Telah terbukti kepimpinan Dr Mahathir membawa negara mencapai kemajuan dan pembangunan yang cukup gemilang, katanya kepada pemberita di sini selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco di sini.

Mohamed Isa berkata Dr Mahathir telah mengubah minda rakyat Malaysia menjadi lebih proaktif selain berjaya meletakkan Malaysia pada peta dunia dan menjadi negara contoh yang dikagumi banyak negara, khususnya negara-negara sedang membangun.

Katanya di bawah kepimpinan Dr Mahathir, Malaysia telah menikmati keamanan dan kestabilan politik yang kukuh.

"Di bawah kepimpinannya, Barisan Nasional Negeri Sembilan telah mencapai kejayaan yang baik dalam beberapa pilihan raya yang lalu," katanya.

Menteri Besar turut mengucapkan tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima Jumaat ini.

Mohamed Isa percaya, berdasarkan pengalaman sebagai pemimpin politik, menteri kabinet dan pegawai pentadbiran tertinggi kerajaan, Abdullah dapat mentadbir negara dengan baik dan meneruskan kecemerlangan di peringkat antarabangsa.

"Saya mewakili kerajaan negeri, Umno dan Barisan Nasional negeri akan memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepada beliau untuk memajukan lagi negara ini," katanya.

Sementara itu, Mohamed Isa berkata sebahagian dari 44 projek jalan yang menelan belanja RM1.7 bilion yang sedang dilaksanakan di negeri ini dijangka siap awal tahun depan.

Katanya daripada lapan projek jalan negeri, empat projek telah siap, dua masih dalam pembinaan dan dua lagi prapembinaan.

Dari 20 projek jalan Persekutuan, dua projek telah siap, 12 dalam prapembinaan dan enam sedang dibina manakala daripada 16 projek jalan yang dibiayai Kementerian Pembangunan Luar Bandar, sebatang jalan telah siap, empat sedang dibina dan 11 dalam prapembinaan.

-- BERNAMA

APG LAT